

PENUTUP

A. Kesimpulan

Setelah penulis membuat kajian melalui metod-metod seperti yang tercatat di Bab I dan Bab III, dapatlah dibuat kesimpulan. Antaranya ialah:

1. Peranan yang dimainkan oleh masjid pada hari ini amat terbatas. Ia hanya berkisar dalam soal-soal ibadat khusus sahaja yang melibatkan hubungan antara manusia dengan Allah tanpa merangkumi aspek-aspek lain yang lebih luas.
2. Masjid Rusila telah berusaha untuk mengembalikan masjid kepada fungsinya yang sebenar sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam. Dan hari ini, ia sedang menuju ke arah itu walaupun masih belum dapat mencapai kejayaan yang sepenuhnya. Masjid Rusila hari ini bukan saja berfungsi sebagai tempat ibadat, tetapi ia juga berperanan sebagai pusat mengembangkan dakwah Islamiyah khususnya di negeri Terengganu.
3. Tidak dapat dinafikan bahawa Masjid Rusila hari ini, telah berjaya menarik minat masyarakat dari segenap ceruk rantau untuk bertumpu di

sini dan mengikuti kegiatan-kegiatan yang dijalankan terutamanya pada kuliah pagi Jumaat yang menghimpunkan ribuan orang dari berbagai status masyarakat.

4. Terdapat segelintir masyarakat yang menganggap Masjid Rusila sebagai sebuah masjid politik. Dari anggapan ini jelas menunjukkan bahawa apa yang difahami oleh masyarakat tentang hubungan masjid dan politik adalah dua bidang yang terpisah. Pada mereka masjid hanyalah berfungsi sebagai tempat menunaikan ibadat semata-mata.
5. Bahawa anggapan-anggapan negatif terhadap Masjid Rusila seperti mengajar ajaran sesat dan sebagainya adalah tidak logik sama sekali kerana orang yang mendukung Masjid Rusila hari ini adalah diakui dari segi keilmuannya. Tambahan pula tidak mungkin pihak masjid ini dapat menampung ribuan orang yang hadir kerana di antara mereka terdiri dari kalangan cerdik pandai dan alim dalam ilmu agama.
6. Terdapat di antara ahli jemaah Masjid Rusila yang diambil tindakan, dengan tujuan untuk menyekat mereka dari terus mengunjungi masjid ini. Tindakan ini amatlah dikesali dan bertentangan dengan ajaran Islam sendiri sepertimana firman Allah dalam surah al-Baqarah, ayat 114, yang menegah dari menghalangi orang untuk mengimarahkan masjid.

Tidak dapat dinafikan juga bahawa Masjid Rusila telah berjaya menanamkan kesedaran Islam di kalangan masyarakat terutamanya mereka yang sentiasa mengikuti pengajian di masjid ini. dan seterusnya mendorong mereka untuk membentuk kehidupan yang lebih Islami.

Saranan

1. Perbinaan masjid hendaklah diasaskan di atas dasar taqwa, niat yang ikhlas semata-mata untuk mendapatkan keredhaan Allah S.w.t., dan perbelanjaannya pula mestilah dari sumber yang halal.

2. Dalam usaha untuk mengembalikan fungsi masjid menurut Islam, sepatutnya pihak yang bertenaan menjadikan Masjid Rusila sebagai model, untuk menjadi ikutan kepada masjid-masjid lain dengan mengadakan aktiviti-aktiviti yang berjaya menarik minat masyarakat untuk sentiasa mengunjunginya, agar masjid yang tersergam indah itu tidak tinggal sepi tetapi sebaliknya sentiasa dimarahkan oleh masyarakat.

3. Fahaman yang memisahkan masjid dan politik harus diukis dari fikiran masyarakat. Untuk itu langkah-langkah tertentu perlu diambil bagi mengelakkan kekeliruan tersebut.

4. Kerjasama yang erat perlu diwujudkan, baik dari pihak rakyat mahupun kerajaan bagi menjamin kelancaran perjalanan sesebuah masjid.

Bagi pihak yang mendapat teguran dari pihak Masjid Rusula, janganlah mudah melenting. Sebaliknya mereka perlu mengambil sikap terbuka dalam menilai teguran dan pandangan tersebut, dan tidak menolaknya mentah-mentah semata-mata kerana hanya datang daripada pihak yang tidak seerasi dengan mereka.

Penelitian yang teliti perlu dibuat terlebih dahulu sebelum memberikan pandangan lebih-lebih lagi pandangan yang buruk, agar kita tidak terus berpegang kepada maklumat yang salah. Oleh itu, bagi mereka yang menaruh syak wasangka terhadap Masjid Rusula dari jauh, cubalah dekati masjid ini untuk melihat dan mendengar sendiri apa yang sebenarnya. Walaupun kalau sukar, mereka masih punya alternatif lain iaitu dengan mendengar melalui kaset-kaset yang dipasarkan di seluruh negara.

Tindakan-tindakan dan sekatan-sekatan yang dikenakan terhadap ahli-ahli jemaah masjid ini hendaklah dihentikan. Sepatutnya pihak yang berkenaan berbangga dengan kejayaan Masjid ini dalam mengembangkan dakwah Islamiyah dan seterusnya memberikan keedaran Islam kepada masyarakat. Janganlah kerana hanya mempunyai pentadbiran sendiri tidak seperti masjid-masjid yang lain, maka tindakan yang tidak sewajarnya dikenakan ke atas ahli jemaahnya.

8 Masjid Rustia perlu diperbesar lagi memandangkan sambutan yang begitu menggalakkan dari masyarakat terutamanya ketika sambutan Jumaat, sehingga ramai di antara mereka yang terpaksa bersembahyang di luar masjid.

7. Kata Penutup

Semoga usaha yang kecil dan penuh kekurangan ini bisa memberikan gambaran yang sebenar kepada para pembaca tentang kegiatan-kegiatan yang dijalankan di Masjid Rustia, dan seterusnya mendai sendiri tentang gambaran-gambaran buruk yang dilemparkan oleh segelintir masyarakat terhadapnya samada benar atau sebaliknya. Akhirnya penulis memohon keampunan dari Allah S.w.t, semoga penulis sentiasa diberi taufiq dan bimbingan olehNya. Penulis akhir penulisan ini dengan lafaz:

والله اعلم بالصواب
وما يوفى الا الله عليه توكلت
والله اعلم